

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10354**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kemajuan cadangan rakyat Malaysia memasuki Amerika Syarikat tanpa visa, bilakah ia akan dilaksanakan. Sebab kelewatan dan apakah langkah-langkah yang masih belum diselesaikan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Amerika Syarikat telah mengenakan beberapa syarat tertentu kepada Malaysia untuk menyertai Program Pengecualian Visa Amerika Syarikat atau *United States Visa Waiver Program (USVWP)*.

Kadar penolakan visa bagi tahun 2016 adalah sebanyak 3.6%. Sehingga kini, syarat bagi kadar penolakan visa di bawah 3% masih belum dapat dipenuhi. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memberi maklumat benar dan tepat semasa mengisi borang permohonan visa dan semasa ditemuduga oleh Pegawai Konsulat Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

Sejak tahun 2015, Kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dengan mengadakan sesi *engagement*, *outreach* dan program kesedaran mengenai tatacara permohonan visa yang betul kepada warganegara Malaysia.

Amerika Syarikat juga telah mengenakan syarat tambahan iaitu keperluan untuk menapis kemasukan pelawat secara berkesan kepada negara-negara yang ingin menyertai USVWP. Kerajaan juga telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) yang dapat meningkatkan keupayaan negara untuk menyaring kemasukan pelawat kerana modul *Risk Assessment Engine (RAE)* di

bawah SKIN khususnya akan membolehkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan *big data analysis* bagi tujuan risikan, *profiling*, *tracking* dan pengurusan risiko selaras dengan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat di bawah USVWP.

Amerika Syarikat turut memantau perkembangan pelaksanaan USVWP di Malaysia dan telah beberapa kali menghantar pasukan teknikal mereka ke Malaysia sejak tahun 2015 dan terkini adalah dari 23 hingga 25 Ogos 2017. Sekiranya semua syarat dipatuhi, sebuah pasukan audit akan dihantar untuk menilai dan menentukan kelayakan Malaysia menyertai USVWP.

Dengan kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh Amerika Syarikat serta kesungguhan yang dipamerkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JIM, Kerajaan optimis dapat memenuhi semua syarat dan seterusnya diterima sebagai salah sebuah negara yang mendapat pengecualian visa ke Amerika Syarikat.